



Singapore Book Council
Powering Our Imagination

HADIAH SASTERA SINGAPURA 2026

SYARAT DAN PERATURAN



Dimulakan pada 1992, Hadiah Sastera Singapura (Singapore Literature Prize, SLP) ialah hadiah sastera yang unggul di Singapura dan telah dianugerahkan kepada lebih daripada 170 pemenang. Hadiah ini sebuah pertandingan dwitahunan dan dibuka kepada warganegara dan penduduk tetap Singapura yang mana karya prosa dan puisi, telah diterbitkan di Singapura atau di luar negeri dalam tempoh yang ditetapkan. SLP ialah satu daripada beberapa sahaja anugerah sastera berbilang bahasa di dunia.

Hadiah tertinggi bernilai S\$5,000 dianugerahkan kepada setiap pemenang daripada lapan (8) kategori anugerah. Pemenang juga akan dianugerahi dengan sebuah piala yang ditempah khas.

1. Kategori Anugerah

(a) Anugerah ini dibuka kepada sebarang karya prosa dan puisi yang dicipta oleh warganegara atau penduduk tetap Singapura. Karya tersebut mesti telah diterbitkan



antara 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2025. Semua karya mesti diterbitkan di Singapura atau di luar negeri dalam bentuk buku fizikal.

- (b) SLP tidak menerima karya-karya yang ditujukan kepada kanak-kanak.
- (c) Terdapat (lapan) 8 kategori kesemuanya
 - Prosa (Cina, Inggeris, Melayu, Tamil)
 - Puisi (Cina, Inggeris, Melayu, Tamil)
- (d) Penyertaan boleh menyentuh sebarang subjek atau tema.
- (e) Kategori Prosa merangkumi karya fiksi dan bukan fiksi kreatif. Fiksi merujuk kepada prosa naratif, termasuk cerpen dan novel. Karya bukan fiksi kreatif adalah karya yang menggunakan alat susastera untuk mencipta sebuah teks naratif yang menceritakan peristiwa, orang atau idea sebenar. Contoh-contoh dalam genre ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kritikan sastera, biografi, memoir, esei peribadi dan penulisan kembara. Kami tidak menerima buku masak, buku bantu diri, panduan kembara, kajian ilmiah, buku perniagaan, komentar atau buku teks. Karya mesti mudah diperoleh khalayak pembaca umum dan tidak ditujukan khusus untuk golongan pembaca pakar atau akademik. Karya untuk remaja (YA) layak untuk penyertaan bagi SLP 2026.
- (f) Puisi merujuk kepada karya dalam bentuk rangkap.

2. Bahasa

- (a) Untuk kategori Prosa dan Puisi, karya-karya yang disertakan mesti ditulis dalam salah satu daripada keempat-empat bahasa rasmi: Bahasa Cina, Inggeris, Melayu, atau Tamil.

3. Kelayakan

- (a) Pertandingan ini dibuka kepada semua warganegara dan penduduk tetap Singapura yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun pada tarikh penyertaan.



- (b) Setiap penyertaan mestilah sebuah karya asli.
- (c) Karya tersebut mesti telah diterbitkan antara 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2025. Semua buku mesti diterbitkan di Singapura atau di luar negara dalam bentuk buku fizikal.
- (d) Antologi cerpen, puisi, atau esei oleh sekumpulan penulis (lebih daripada 2) tidak layak untuk anugerah ini.
- (e) Hanya karya yang telah diterbitkan akan diterima. Untuk layak, karya mesti diterbitkan dalam bentuk buku fizikal dan boleh diperoleh untuk edaran komersial umum dalam tempoh yang telah ditetapkan (sila lihat poin 3c). Buat masa ini, e-buku dan buku audio tidak akan dipertimbangkan untuk anugerah ini.
- (f) Kumpulan cerpen, puisi, esei, atau komiks yang pernah diterbitkan dalam akhbar atau majalah, atau dalam talian layak untuk penyertaan, selagi buku itu diterbitkan dalam tempoh yang telah ditetapkan (sila lihat poin 3c).
- (g) Buku kecil, risalah, zine, serta penerbitan bentuk pendek atau bukan standard yang lain tidak layak untuk SLP. Semua penyertaan mestilah karya penuh yang telah diterbitkan dan memenuhi kriteria kategori masing-masing.
- (h) Cetakan semula, edisi kemas kini atau penerbitan ulang dari tahun-tahun lalu tidak layak dipertandingkan.
- (i) Koleksi "yang terbaik" atau antologi karya yang telah diterbitkan sebelum ini dalam bentuk buku adalah tidak layak. Walau bagaimanapun, jika sekurang-kurangnya 80% daripada karya yang terkandung dalam koleksi tersebut diterbitkan buat kali pertama dalam bentuk buku, maka buku tersebut layak untuk SLP.
- (j) Kategori Terjemahan tidak akan disertakan dalam SLP 2026 sementara kami mengkaji semula kitaran penyertaannya. Terjemahan bahasa Inggeris hendaklah dihantar pada edisi Singapore Literature Prize yang seterusnya apabila kategori Terjemahan dibuka semula. Judul yang pernah memenangi SLP dan diterjemahkan daripada bahasa Cina, Melayu, atau Tamil ke dalam bahasa Inggeris juga boleh dihantar



apabila kategori Terjemahan dianugerahkan semula, tertakluk pada syarat kelayakan.

- (k) Kategori Komik/Novel Grafik tidak akan disertakan dalam SLP 2026 sementara kami mengkaji semula kitaran penyertaannya. Komik atau novel grafik hendaklah dihantar pada edisi Singapore Literature Prize yang seterusnya apabila kategori Komik/Novel Grafik dibuka semula.

4. Penghantaran Karya

- (a) Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu karya untuk pertandingan ini selagi karya-karya tersebut berbeza dan bukan variasi satu karya yang sama.
- (b) Siri karya yang saling berkait dan dianggap sebagai satu karya tidak layak untuk dipertandingkan.
- (c) Karya yang sama juga tidak boleh disertakan dalam lebih daripada satu bahasa dalam tempoh pertandingan yang sama.
- (d) Karya-karya boleh dihantar oleh penulis, penerbit, atau ejen penulis.

5. Pemilihan

- (a) Setiap kategori akan dinilai oleh sebuah panel terdiri daripada tiga orang pengadil, iaitu seorang Ketua Pengadil dan dua orang lagi pengadil.
- (b) Keputusan pengadil muktamad dan mengikat. Surat-menyurat berkaitan dengan keputusan pengadil tidak akan dilayan.

6. Tarikh Tutup

- (a) Tarikh tutup pertandingan ialah **15 Mei 2026 (Jumaat), 6.00 petang (waktu Singapura)**.
- (b) Bagi setiap tajuk yang diserahkan, satu (1) salinan digital DAN empat (4) naskhah mesti sampai di pejabat Majlis Buku Singapura sebelum tarikh tutup.



- (c) Yuran penyertaan sebanyak \$20 bagi setiap buku akan dikenakan semasa penghantaran borang dalam talian.
- (d) Penghantaran lewat tidak akan diterima.

7. Anugerah

- (a) Hadiah Sastera Singapura membawa anugerah wang tunai berjumlah S\$5,000 kepada setiap pemenang daripada 8 kategori. Di samping itu, pemenang akan menerima sebuah piala yang ditempah khas dan sijil pencapaian.
- (b) Pengadil akan menganugerahkan hanya satu hadiah bagi setiap kategori pertandingan. Sekiranya tiada karya penyertaan dianggap sebagai layak untuk menerima anugerah itu, pengadil tidak akan mengumumkan sebarang pemenang.

8. Senarai Pendek

- (a) Penganjur akan mengumumkan senarai pendek karya-karya yang dipertimbangkan untuk Hadiah Sastera Singapura pada pertengahan Oktober 2026.
- (b) Hanya penulis yang disenaraikpendekkan akan diberitahu.

9. Pengumuman Pemenang

- (a) .Majlis Anugerah Hadiah Sastera Singapura 2026 akan diadakan pada awal Disember 2026.
- (b) Hadiah akan dianugerahkan kepada semua pemenang dalam majlis anugerah.
- (c) Pemenang TIDAK akan dimaklumkan sebelum majlis anugerah. Kesemua penulis dalam senarai pendek akan diundang ke majlis tersebut. Sekiranya penulis dalam senarai pendek tidak dapat hadir atas sebarang sebab, mereka harus melantik seorang wakil untuk menghadiri majlis anugerah bagi pihaknya, dan menerima hadiah seandainya karya mereka menang.



(d) Surat-menyurat berkenaan penyertaan yang menang tidak akan dilayan sebelum majlis anugerah.

10. Jangkauan dan Publisiti

- (a) Pemenang dan penulis dalam senarai pendek akan diundang untuk menjalankan ceramah awam, bengkel dan/atau program bimbingan penulisan jika bersesuaian.
- (b) Pemenang dan penulis dalam senarai pendek akan diminta berbual dengan pihak media dan menghadiri acara media, dan menyokong Majlis Buku Singapura dalam semua kegiatan pemasaran dan publisiti berkenaan SLP jika bersesuaian.
- (c) Ada kemungkinan bahawa gambar penulis, penterjemah dan kulit buku akan digunakan untuk mempromosikan karya berkenaan.

11. Penyertaan

- (a) Semua penyertaan mesti dihantar secara dalam talian. Sila layari: <https://www.bookcouncil.sg/awards/slp-2026>.
- (b) Setiap penyertaan mesti disertakan dengan satu (1) salinan digital DAN empat (4) naskhah fizikal buku. Untuk kemudahan para juri, sila muat naik fail buku TANPA tera air. Setiap fail buku akan dirahsiakan antara petugas Majlis Buku dan para juri anugerah. Naskhah-naskhah tersebut mesti diterima oleh Majlis Buku Singapura sebelum tarikh dan waktu penutup yang ditetapkan (sila lihat poin 6). Penghantaran lewat tidak akan diterima.
- (c) Pemohon akan menerima e-mel pengesahan setelah menghantar borang penyertaan dalam talian. Sila cetak e-mel pengesahan untuk diserahkan bersama-sama keempat-empat (4) naskhah fizikal buku berkenaan.
- (d) Bagi penyertaan dalam talian, sila sediakan maklumat berikut:
 - (1) Butiran peribadi untuk borang penyertaan



- (2) Biografi ringkas penulis (tidak melebihi 80 perkataan; dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu) termasuk nama akaun media sosial
- (3) Gambar penulis (dalam format JPG; sekurang-kurangnya 300dpi pada 1MB, dan seeloknya hanya memaparkan penulis berlatar belakang putih atau neutral, tanpa memegang apa-apa)
- (4) Satu gambar salinan kulit buku (dalam format JPG atau PDF; sekurang-kurangnya 300dpi pada 1MB)
- (5) Deskripsi ringkas atau blurb buku (tidak melebihi 150 perkataan; dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu)
- (6) Butir-butir penerbitan (ISBN dan butir-butir hubungan penerbit)
- (7) Salinan digital penerbitan tanpa tera air
- (8) Yuran penyertaan sebanyak \$20 yang akan dikenakan untuk setiap buku

**Bahasa Cina, Melayu atau Tamil untuk kategori bahasa ibunda.*

(e) Penyertaan yang tidak disertakan dengan naskhah fizikal buku akan dianggap sebagai tidak lengkap dan akan disingkirkan daripada penilaian

(f) Tarikh tutup penghantaran ialah **15 Mei 2026 (Jumaat), 6.00 petang (waktu Singapura).**

(g) Untuk penyerahan buku, pejabat Majlis Buku Singapura akan dibuka pada tarikh dan masa berikut untuk penghantaran buku. Sila aturkan penghantaran sewajarnya.

- Isnin – Jumaat, 10.00 pagi ke 6.00 petang (kecuali Cuti Umum)

(h) Alamat kami:

Singapore Book Council

Goodman Arts Centre Blk E #03-32

90 Goodman Road Singapore 439053

ATTN: SLP 2026

(Sila ambil perhatian bahawa tiada akses lif.)



12. Buku-buku yang Diserahkan

- (a) Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya sebarang penyertaan hilang atau rosak semasa dalam transit.
- (b) Buku yang diserahkan kepada SLP akan disimpan oleh Majlis Buku Singapura dan tidak akan dikembalikan.

13. Tarikh-tarikh Penting

15 Mei 2026, 6 petang	Tempoh penyertaan ditutup
Pertengahan Oktober 2026	Pengumuman karya-karya dan penulis-penulis dalam senarai pendek
Awal Disember 2026	Majlis Penyerahan Hadiah SLP. Tarikh, masa dan tempat akan diumumkan kelak.

14. Maklumat Hubungan

Untuk sebarang pertanyaan, sila e-mel kepada programmes@bookcouncil.sg.